

## KAMI CARE M BIZ DENGAN DIGI BUSINESS

### **Terma-Terma dan Syarat-Syarat untuk Penyertaan bagi Inisiatif “Menyokong Bisnes Mikro” (“Inisiatif”) yang dianjurkan oleh Astro Radio Sdn Bhd (“ARSB”) dengan Digi Telecommunications (“DIGI”) (dirujuk bersama sebagai “Penganjur”)**

*Ini adalah terma-terma dan syarat-syarat untuk penyertaan oleh bisnes mikro yang ingin meningkatkan kesedaran dan mendapatkan pendedahan untuk bisnes mereka.*

1. Inisiatif ini terbuka untuk penyertaan oleh semua bisnes mikro yang ditubuhkan dan beroperasi di Malaysia (“**Peserta**”). Bisnes mikro boleh meliputi penjual makanan, suri rumah yang menjalankan perniagaan dari rumah, artis solek dan lain-lain lagi.
2. Inisiatif ini tidak terbuka untuk pekerja-pekerja/kontraktor-kontraktor/pembekal-pembekal dan suami, isteri, anak-anak, ibu-bapa dan adik-beradik pihak-pihak tersebut Penganjur, MEASAT Broadcast Network Systems Sdn Bhd, Astro Entertainment Sdn Bhd, Astro Production Sdn Bhd, Astro Digital 5 Sdn Bhd dan Astro Malaysia Holdings Berhad, dan anak syarikat dan syarikat bersekutu mereka.
3. Peserta harus melayari laman web stesen-stesen radio (untuk SYOK Kenyalang: akaun media sosial Facebook SYOK Kenyalang) dan/atau laman web SYOK atau aplikasi mudah alih SYOK dan melengkapkan semua butir-butir yang diperlukan dan dengan khususnya menyatakan:
  - latar belakang ringkas mengenai bisnes mikro mereka termasuk nama bisnes mikro (jika ada), nombor pendaftaran (jika ada) atau nombor kad pengenalan (jika bisnes mikro mereka tidak berdaftar), jenis bisnes mikro dan alamat bisnes mikro;
  - ceritakan bagaimana bisnes mikro mereka terjejas oleh pandemik dan mengapa mereka perlu bantuan daripada Penganjur untuk mempromosikan bisnes mikro mereka;
  - memberikan butir-butir kenalan (*contact details*) iaitu emel / nombor telefon;
  - menghantar rakaman suara (*voice note*) yang mengandungi mesej yang Peserta ingin menggunakan untuk mempromosikan bisnes mikro (Penganjur mempunyai budi bicara untuk membuat keputusan menggunakan atau tidak menggunakan rakaman suara yang dihantar).
4. Peserta boleh menominasikan bisnes mikro mereka sendiri atau bisnes mikro yang lain yang Peserta percaya memerlukan bantuan. Walau bagaimanapun, Peserta hanya boleh menghantar satu (1) penyertaan sahaja untuk Inisiatif ini. Penyertaan berikutnya akan hilang kelayakan.
5. Setiap penyertaan yang dipilih oleh Penganjur, akan menerima peluang untuk bisnes mikro mereka dipromosikan melalui penyiaran pengumuman khidmat masyarakat (“**CSAs**”) yang boleh tertakluk kepada budi bicara mutlak Penganjur mengandungi rakaman suara yang dihantar, mengenai bisnes mikro yang terpilih di stesen-stesen radio ARSB.
6. Tempoh untuk penyertaan adalah dari **Isnin, 26 April 2021 pada 12 pagi** sehingga **Khamis, 29 Julai 2021 pada 12 tengah hari** (“**Tempoh Inisiatif**”). CSAs tersebut akan disiarkan pada **Isnin, 3 May 2021** sehingga **Ahad, 1 Ogos 2021**. Penganjur berhak untuk mengubah, melanjutkan atau menangguhkan Tempoh Inisiatif atau mana-mana tarikh, atau menetapkan tarikh baru mengikut budi bicara mutlaknyanya.

7. Penyertaan akan dipertimbangkan setiap minggu di mana CSAs yang akan direkodkan dan disiarkan akan dipilih berdasarkan penyertaan-penyertaan yang diterima dalam minggu sebelumnya bermula dari hari Isnin sebelumnya pada 12 pagi sehingga hari Khamis sebelumnya pada 12 tengah hari.
8. Untuk setiap minggu, Penganjur akan memilih empat belas (14) bisnes mikro untuk merekodkan dan menyiarkan CSAs di stesen-stesen radio ARSB:
  - ERA Central, ERA Sabah, ERA Sarawak, SINAR, GEGAR, ZAYAN, RAAGA, MY Central, MELODY, GOXUAN, HITZ, MIX, LITE, SYOK Kenyalang: akan setiap satu mempromosikan sepuluh (10) bisnes mikro setiap minggu
  - MY Sabah, MY Sarawak, HITZ Sabah, HITZ Sarawak: akan setiap satu mempromosikan empat (4) bisnes mikro setiap minggu

CSAs tersebut akan ditukar setiap minggu. Penganjur berhak menukar atau mengubah nombor bisnes mikro yang dipilih setiap minggu semasa Tempoh Inisiatif.

9. Penganjur mempunyai hak mutlak untuk membuat keputusan mengenai stesen radio di mana CSAs tersebut akan disiarkan. Penyiaran CSAs tersebut adalah tertakluk kepada ketersediaan (*availability*) slot-slot dan berdasarkan *Run of Station (ROS)*. Penganjur tidak memberikan komitmen untuk menyiarkan CSAs untuk mana-mana jangka masa spesifik.
10. Selain daripada promosi untuk bisnes mikro yang terpilih, DIGI juga akan mengawadkan dua puluh enam (26) Peserta terpilih dengan penyelesaian digital dan pelan mobil. Setiap satu daripada dua puluh enam (26) Peserta terpilih akan menerima:
  - pelan langganan mobil untuk 6 bulan yang bernilai RM3,000 (terdiri daripada 3x GD78 + FREE dSMS, AlthR, AVANA, Omni, Cisco Umbrella); dan
  - peluang untuk memilih untuk tukar kepada mana-mana pelan sambungan DIGI di bawah kempen PENJANA untuk menuntut sehingga RM6,000 daripada PENJANA dan DIGI.

Penerimaan kelebihan di atas adalah tertakluk kepada dua puluh enam (26) Peserta terpilih setiap satu merekodkan satu testimoni di dalam format bunyi dan/atau video, jika diperlukan oleh Penganjur. Testimoni ini boleh digunakan untuk tujuan termasuk tetapi tidak terhad kepada pemasaran atau promosi semasa / di akhir Inisiatif ini, menurut budi bicara mutlak Penganjur. Penilaian pelan langganan mobil dan jumlah tuntutan di bawah kempen PENJANA yang dinyatakan di atas merupakan anggaran sahaja dan Peserta tidak boleh membawa tuntutan terhadap Penganjur sekiranya jumlah/nilai sebenar kelebihan di atas adalah berbeza daripada jumlah/nilai yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat ini.

11. Peserta mengakui dan menerima bahawa Penganjur boleh melaksanakan inisiatif-inisiatif yang sama di stesen-stesen radio ARSB dengan tarikh permulaan dan tarikh tamat yang berbeza, akan tetapi dua puluh enam (26) Peserta yang layak untuk dipilih untuk menerima penyelesaian digital dan pelan mobil akan dipilih daripada penyertaan yang diserahkan di dalam inisiatif-inisiatif tersebut secara keseluruhan pada tempoh 3 May 2021 sehingga 29 Julai 2021.
12. Untuk mengelakkan keraguan, tiada apa yang dinyatakan di sini dimaksudkan untuk mewajibkan Penganjur untuk mempromosikan bisnes mikro tersebut, dan Penganjur mempunyai hak mutlak

untuk menolak atau membatalkan mana-mana penyertaan untuk apa jua sebab. Apa-apa keputusan oleh Penganjur mengenai Inisiatif ini adalah muktamad dan Penganjur tidak akan melayan apa-apa rayuan atau persoalan oleh Peserta terhadap keputusan tersebut.

13. ARSB mempunyai budi bicara terakhir untuk meminda, menukar atau menyunting butir-butir yang dikemukakan oleh Peserta untuk menjadikan yang sama sesuai untuk penyiaran di stesen-stesen radio. Format, kandungan, suara bakat dan produksi CSAs dan cara bagaimana CSAs akan disampaikan akan ditentukan oleh ARSB dalam budi bicara mutlaknya tanpa merujuk kepada Peserta.
14. Semua konsep-konsep, audio-audio, skrip-skrip, kapsul-kapsul, video-video, testimoni-testimoni dan/atau produk-produk atau bahan-bahan di dalam apa-apa bentuk dan format yang dibuat, direkodkan dan dihasilkan oleh ARSB untuk Inisiatif ini (secara kolektif, "**Karya**") adalah dimiliki secara tunggal dan khususnya oleh ARSB, dan ARSB merupakan pemilik tunggal semua harta intelek di dalam Karya tersebut. Peserta dan/atau bisnis mikro yang dinominasikan tidak mendapat sebarang hak kepada Karya tersebut dan tidak boleh menggunakan Karya tersebut untuk apa-apa tujuan lain tanpa mendapatkan kebenaran bertulis daripada ARSB terlebih dahulu. Dengan menghantar penyertaan, Peserta memberikan ARSB dan syarikat bersekutu ARSB, lesen yang tidak eksklusif dan tanpa royalti untuk menggunakan tanda dagangan dan jenama (*trademark and brand name*) bisnis mikro mereka di dalam CSAs yang akan dihasilkan dan disiarkan.
15. Dengan menghantar penyertaan, Peserta bersetuju untuk menyerahkan kepada dan memberikan ARSB, dan anak syarikat dan syarikat bersekutu mereka, hak mutlak dan lesen untuk seluruh dunia (yang kekal, tanpa royalti, tidak eksklusif dan yang boleh dilesenkan) untuk menggunakan, membuat salinan, meminda, mengubahsuai, menyesuaikan, menerbitkan, menterjemah, membuat karya terbitan daripada, mengedar, melaksanakan, bermain, membuat tersedia kepada orang awam, dan melaksanakan semua hak cipta dan publisiti berkenaan dengan butiran/foto/video/cerita/testimoni yang diberikan oleh Peserta dan Peserta menyetujui apa-apa hak moral dalam butiran/foto/video/cerita/testimoni tersebut. ARSB dan anak syarikat dan syarikat bersekutu mereka hendaklah mempunyai hak tunggal (tetapi tidak ada kewajiban) untuk menggunakan, memuat naik atau menyiarkan butiran/foto/video/cerita/testimoni tersebut dan/atau memasukkannya dalam karya lain dalam mana-mana media dan platform mengikut budi bicara mutlaknya untuk sebarang tujuan termasuk tujuan pengiklanan dan pemasaran tanpa apa-apa bayaran royalti kepada Peserta dan/atau bisnis mikro yang dinominasikan.
16. Peserta juga bersetuju bahawa Penganjur dan anak syarikat dan syarikat bersekutu mereka mempunyai hak untuk menggunakan nama, *sobriquet*, tandatangan, kesamaan, gambar, potret, karikatur, suara *silhouette* Peserta untuk CSAs tersebut dan/atau eksploitasi CSAs tersebut atau mana-mana bahagiannya termasuk waktu siaran atau usaha atas talian, komersial, pengiklanan, publisiti, barang dagangan, penerbitan, atau penerbitan muzik.
17. Di mana Peserta telah menominasikan bisnis mikro lain, Peserta mestilah mendapatkan kebenaran daripada bisnis mikro tersebut untuk menghantar butiran mereka untuk tujuan Inisiatif ini.
18. Penganjur tidak mengesahkan atau meluluskan bisnis mikro yang dipilih ataupun mensahkan atau menjamin ketepatan atau kelengkapan CSAs tersebut dan/atau maklumat yang terkandung

di dalam CSAs tersebut. Penganjur dan anak syarikat dan syarikat bersekutu dengan khususnya menafikan kesemua dan apa jua liabiliti berkaitan dengan Inisiatif ini termasuk pengantungan kepada maklumat yang terkandung di dalam CSAs tersebut dan/atau penggunaan butiran yang diberikan untuk Inisiatif ini dalam cara yang tidak dibenarkan dan semua interaksi oleh Peserta dan/atau bisnes mikro yang dinominasikan dengan pihak ketiga berkaitan dengan Inisiatif ini. Peserta setuju untuk menggantirugi (*indemnify*) dan melepaskan Penganjur dan anak syarikat dan syarikat bersekutu dari dan terhadap sebarang dan semua perkara-perkara yang berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Inisiatif ini termasuk butiran yang diberikan oleh Peserta, penggunaan butiran tersebut dan semua interaksi Peserta dengan pihak ketiga berkaitan Inisiatif ini.

19. Dengan menghantar penyertaan:

(i) Peserta akui bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju kepada terma-terma di dalam Notis Privasi yang terdapat di [www.astroradio.com.my](http://www.astroradio.com.my) dan setuju kepada pemprosesan data peribadi Peserta, pekerja, pegawai, pengkhidmat dan/atau wakil Peserta oleh ARSB; ~~dan-~~

~~19.~~(ii) Peserta setuju untuk dihubungi oleh DIGI berkenaan bahan-bahan promosi mengenai produk dan/atau perkhidmatan DIGI yang mungkin diminati oleh Peserta.

20. ARSB berhak meminda atau mengubah terma-terma dan syarat-syarat ini pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu, dan dengan menghantar penyertaan selepas pemindaan, penambahan atau pengubahan, Peserta bersetuju untuk tertakluk kepada terma dan syarat sepertimana dipinda, ditambah atau diubah.

21. Bahasa utama terma-terma dan syarat-syarat ini adalah Bahasa Inggeris. Apa-apa terjemahan kepada bahasa lain adalah untuk tujuan kemudahan sahaja. Sekiranya terdapat sebarang perkara yang bercanggah dengan versi Bahasa Inggeris, versi Bahasa Inggeris akan diberi keutamaan.

**Formatted:** Left, Indent: Left: 1.27 cm, No bullets or numbering

**Formatted:** Numbered + Level: 1 + Numbering Style: i, ii, iii, ... + Start at: 1 + Alignment: Left + Aligned at: 1.27 cm + Indent at: 2.54 cm